

HARI PEKERJA

Wujud budaya toleransi kurangkan tekanan kerja

Tarikh 1 Mei setiap tahun, hampir seluruh negara di dunia menyambut Hari Pekerja termasuk Malaysia. Ia bagi mengenang serta menghargai jasa dan pengorbanan pekerja, yang bertungkus lumus mencari pendapatan untuk kesinambungan hidup dan pada masa sama menyumbang ke arah pembangunan serta kemajuan negara.

Tahun ini, Kementerian Sumber Manusia menggunakan slogan 'Pekerja Sihat Produktiviti Meningkatkan' bagi sambutan Hari Pekerja. Seajar slogan terbabit, penting untuk semua pihak berkaitan, terutama majikan dan pekerja untuk saling bekerjasama bagi mewujudkan sebuah persekitaran tempat kerja yang lebih harmoni serta kurang tekanan.

Suasana harmoni jana produktiviti

Dengan wujudnya sebuah tempat kerja yang harmoni, ia dapat menjamin kesihatan serta keselamatan semua pihak sekali gus meningkatkan produktiviti organisasi terbabit, serta menjana pendapatan yang lebih baik bagi sesebuah negara.

Tidak dapat dielakkan terdapat pelbagai isu yang secara tidak langsung memberi tekanan dalam kehidupan harian semua pihak termasuk pekerja.

Oleh yang demikian, penting bagi semua pihak berkaitan, memberi kerjasama bagi mengurangkan tekanan yang dihadapi dengan merangka langkah atau strategi berkesan, yang boleh mengurangkan tekanan di tempat kerja serta mewujudkan sebuah tempat kerja yang lebih harmoni. Pematuhan terhadap undang-



Suasana tempat kerja yang harmoni mampu mengurangkan tekanan kerja sekali gus meningkatkan produktiviti syarikat.

[GAMBAR HIASAN]

“
Majikan juga mesti memberi penghargaan terhadap pekerja yang melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik”

undang serta segala polisi berkaitan tempat kerja perlu diamalkan setiap masa. Kerajaan sudah mewujudkan pelbagai undang-undang serta polisi berkaitan tempat kerja bagi memastikan majikan serta pekerja menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan sebaiknya seperti termaktub dalam Akta Kerja 1955 (Akta 265), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514), Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) dan Perintah Gaji Minimum 2012.

Pada proses pembentangan Bajet 2014, Perdana Menteri, Datuk

Seri Najib Razak mencadangkan majikan di Malaysia mengadakan Skim Aturan Kerja Fleksibel (FWA) yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat bekerja terutama bagi pekerja wanita. Cadangan ini untuk memberi peluang kepada pekerja mengimbangi tugas dalam pejabat dan tanggungjawab terhadap keluarga masing-masing di rumah.

Dapat sokongan majikan

Langkah yang dapat mengurangkan tekanan pekerja juga dilihat disambut baik majikan dalam negara kita. Selain itu, majikan juga perlu lebih toleransi dalam mem-

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

beri tugas kepada pekerja. Majikan tidak seharusnya membeban pekerja dengan pelbagai jenis tugas di luar kemampuan pekerja.

Penghargaan kepada pekerja Majikan juga mesti memberi penghargaan terhadap pekerja yang melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik. Disamping itu, pekerja juga mesti melaksanakan sesuatu pekerjaan yang diamanahkan dengan baik, tidak leka serta cuai terhadap tugas diberikan.

Budaya toleransi, kerjasama serta sifat memahami antara majikan dengan pekerja amat penting bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang harmoni, serta kurang tekanan yang akhirnya dapat memberi manfaat kepada semua pihak. Selamat menyambut Hari Pekerja 2015.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia